

**Malaysia & Singapura Tingkatkan Kerjasama Cegah Dan Kawal Tumpahan Minyak Di Selat Johor**  
**Bernama**  
**10 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Singapura bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam pencegahan dan kawalan tumpahan minyak di Selat Johor dan meneruskan latihan tindakan kecemasan bersama bagi menangani tumpahan kimia di Link Kedua.

Ia adalah antara beberapa kerjasama yang dibincang dan dipersetujui antara Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Unggah Embas dan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Singapura, Dr Vivian Balakrishnan pada mesyuarat dua hari Pertukaran Lawatan Tahunan Malaysia-Singapura ke-25 di sini, Jumaat.

Dalam kenyataan bersama kedua-dua menteri berkenaan, ia menyebut Malaysia bersetuju menganjurkan Eksesais Tindakan Kecemasan (ERP) Bagi Tumpahan Kimia di Link Kedua Malaysia-Singapura, pada suku ketiga tahun depan.

Ia akan menyediakan peluang yang baik untuk kedua-dua negara menguji dan memperbaiki pelan tindakan yang sedia ada, menurut kenyataan itu.

Mengikut Pelan ERP Bagi Tumpahan Kimia di timur Selat Johor, Singapura akan menganjurkan latihan medan pertama tahun depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708425>